



NEGERI KELANTAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 72

No. 26

**19hb Disember 2019**

*TAMBAHAN No. 13*

*PERUNDANGAN*

---

---

**Kn. P.U. 44.**

**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974**

**UNDANG-UNDANG KECIL KUMPULAN WANG  
PERKHIDMATAN KEMAJUAN  
(MAJLIS DAERAH JELI) 2019**

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-  
Undang  
Kecil

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

KUMPULAN WANG

3. Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan



Undang-  
Undang  
Kecil

4. Bayaran kepada Kumpulan Wang
5. Kaedah pembayaran
6. Pentadbir Kumpulan Wang
7. Pengecualian bayaran
8. Diskaun bagi bayaran
9. Bayaran
10. Resit

JADUAL

---

**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974**

**UNDANG-UNDANG KECIL KUMPULAN WANG  
PERKHIDMATAN KEMAJUAN  
(MAJLIS DAERAH JELI) 2019**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 (xxvi) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], Pihak Berkuasa Negeri Kelantan dengan ini membuat undang-undang kecil berikut:

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (Majlis Daerah Jeli) 2019.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan pentadbiran Majlis Daerah Jeli.

(3) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*];

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Perancangan dan Bangunan Majlis Daerah Jeli;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan yang diperuntukkan di bawah seksyen 132 Akta;

“orang” ertinya satu syarikat, perkongsian, badan orang-orang atau perbadanan mutlak;

“pelan” ertinya pelan untuk mendirikan satu bangunan atau untuk menjalankan apa-apa pemajuan yang diserahkan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan;

“Pihak Berkuasa Tempatan” ertinya Majlis Daerah Jeli;

“Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan” ertinya Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 25(1) Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 [*Kn.P.U. 9/1986*].

---

## BAHAGIAN II

### KUMPULAN WANG

#### **Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan**

3. Adalah dengan ini diwujudkan untuk tujuan Akta ini di dalam Pihak Berkuasa Tempatan suatu tabung yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan”.

#### **Bayaran kepada Kumpulan Wang**

4. Suatu pembayaran untuk tujuan Kumpulan Wang sebagaimana kadar yang dinyatakan dalam Jadual kepada Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada Pihak Berkuasa Tempatan oleh mana-mana orang yang mana pelan yang diserahkan telah diluluskan kepada orang-orang tersebut.

#### **Kaedah pembayaran**

5. Bayaran kepada Kumpulan Wang hendaklah dibayar kepada Pihak Berkuasa Tempatan dengan kaedah berikut:

- (a) 10% semasa Kebenaran Merancang diluluskan;
- (b) 10% semasa memajukan pelan bangunan;
- (c) 10% semasa memperolehi kelulusan pelan bangunan; dan
- (d) baki hendaklah dibayar sebelum Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan diberikan.

#### **Pentadbir Kumpulan Wang**

6. Kumpulan Wang hendaklah ditadbir oleh Pihak Berkuasa Tempatan menurut budi bicara mutlaknyanya.

#### **Pengecualian bayaran**

7. Tertakluk kepada undang-undang kecil 4, Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengecualikan pembayaran untuk tujuan Kumpulan Wang bagi mana-mana pembangunan berikut:

- (a) rumah mampu milik yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (b) bangunan yang digunakan bagi tujuan ibadat dan keagamaan; atau;
- (c) pembangunan yang telah dikenakan Caj Pemajuan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] serta kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

### Diskaun bagi bayaran

8. Pihak Berkuasa Tempatan melalui Jawatankuasa boleh mempertimbangkan pemberian diskaun bagi bayaran untuk tujuan Kumpulan Wang berdasarkan perkara berikut:

- (a) telah menyumbang untuk membina jalan baru, jambatan atau persimpangan bertingkat di luar kawasan pembangunannya;
- (b) telah menyumbang untuk membina kemudahan awam yang tidak disyaratkan ke atasnya di dalam atau di luar kawasan pembangunannya; atau
- (c) telah menyumbang untuk membina parit, pemetung, salur atau alur air di luar kawasan pembangunannya.

### Bayaran

9. Bayaran kepada Kumpulan Wang hendaklah dibuat secara tunai atau cek dan hendaklah dibayar kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan dipalang “Akaun Penerima Sahaja” atau “*Account Payee Only*”.

### Resit

10. Setiap bayaran yang diterima hendaklah dimasukkan ke dalam akaun sebagai wang kepunyaan Pihak Berkuasa Tempatan dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan kepada orang yang membuat pembayaran tersebut.

## JADUAL

[undang-undang kecil 4]

### KADAR BAYARAN

<i>No.</i>	<i>Jenis Pembangunan</i>	<i>Kadar</i>
1.	<b>PERUMAHAN</b>	
	i. Unit Kediaman Kos Rendah - RM 100,000 dan ke bawah	0.3 % seunit berdasarkan harga nilai Pihak Berkuasa Tempatan
	ii. Unit Kediaman Kos Sederhana Tinggi - RM 100,000 – RM 200,000	0.3 % seunit berdasarkan harga nilai Pihak Berkuasa Tempatan
	iii. Unit Kediaman Kos Tinggi - RM 200,000 dan ke atas	0.3 % seunit berdasarkan harga nilai Pihak Berkuasa Tempatan
2.	<b>BANGUNAN PERDAGANGAN /PEJABAT</b>	0.5 % berdasarkan harga nilai Pihak Berkuasa Tempatan
3.	<b>PERUSAHAAN</b>	0.5 % berdasarkan harga nilai Pihak Berkuasa Tempatan

<i>No.</i>	<i>Jenis Pembangunan</i>	<i>Kadar</i>
4.	<b>INSTITUSI DAN PELAJARAN</b>	
	i. Bagi Kategori Projek-Projek Kerajaan Persekutuan	3% Daripada 70% Kos Pembangunan Projek/ Nilai Kontrak
	ii. Bagi Kategori Projek-Projek Anak Kelantan	1% Daripada 70% Kos Pembangunan Projek/ Nilai Kontrak
	iii. Bagi Kategori Projek-Projek Agensi/ Badan Berkanun Negeri	2% Daripada 70% Kos Pembangunan Projek/ Nilai Kontrak

Bertarikh 13 April 2016  
[SUK.D.200(05) 8/4/1(33)]

HAJI MOHD ARIF BIN MOHD NOR  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Kelantan*

## **STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974**

### **IMPROVEMENT SERVICE FUND (JELI DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 2019**

---

#### ARRANGEMENT OF BY-LAWS

---

#### PART I

#### PRELIMINARY

#### By-Laws

1. Citation, application and commencement
2. Interpretation

#### PART II

#### FUND

3. Improvement Service Fund
4. Payment to the Fund
5. Methods of payment

By-Laws

6. Administration of the Fund
7. Exemption from payment
8. Discount for payment
9. Payment
10. Receipt

SCHEDULE



---

**STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974**

**IMPROVEMENT SERVICE FUND  
(JELI DISTRICT COUNCIL)  
BY-LAWS 2019**

In exercise of the powers conferred by section 133 (xxvi) of the Street, Drainage and Building Act 1974 [*Act 133*], the State Authority makes the following by-laws:

PART I

PRELIMINARY

**Citation, application and commencement**

1. (1) These by-laws may be cited as the Improvement Service Fund (Jeli District Council) By-Laws 2019.
- (2) These By-Laws shall apply only to the area administered by the Jeli District Council.
- (3) These By-Laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

**Definition**

2. In these By-Laws unless the context otherwise requires–

“Act” means the Street, Drainage and Building Act 1974 [*Act 133*];

“Committee” means the Planning and Building Committee of the Jeli District Council;

“Fund” means the Improvement Service Fund established under section 132 of the Act;

“person” means a company, a partnership, a body of persons and a sole corporation;

“plan” means a plan for the erection of a building or for the carrying out of any development submitted for the approval of the Local Authority;

“Local Authority” means the Jeli District Council;

“Certificate of Completion and Compliance” means a Certificate of Completion and Compliance given under by-laws 25(1) of the Uniform Building By-Laws 1986 [*Kn.P.U. 9/1986*].

PART II

FUND

**Improvement Service Fund**

3. It is hereby established for the purpose of the Act in the Local Authority a fund to be known as the "Improvement Service Fund".

**Payment to the Fund**

4. A payment for the purpose of the Fund in accordance with the rate as specified in the Schedule to these By-Laws shall be paid to the Local Authority by any person upon approval of the plan submitted by such person to the Local Authority.

**Methods of payment**

5. Payment to the Fund shall be paid to the Local Authority in the following manners:
- (a) 10% upon Development Planning Approval being granted;
  - (b) 10% upon submission of plan;
  - (c) 10% upon approval of plan; and
  - (d) balance to be paid before the Certificate of Completion and Compliance is given.

**Administration of the Fund**

6. The Fund shall be administered by the Local Authority at its absolute discretion.

**Exemption from payment**

7. Subject to by-laws 4, the Local Authority may exempt a payment for any of the following developments:
- (a) affordable houses approved by the State Authority;
  - (b) building used for worship and religious purposes; or
  - (c) development that have been imposed Development Charge under Town and Country Planning Act 1976 [Act 172] as well as the rules and regulations made there under.

### Discount for payment

8. The Local Authority via Committee may consider giving a discount for payment for the purpose of the Fund based on the following manners:

- (a) have contributed to build a new road, bridge or flyover outside their development area;
- (b) have contributed to build a public facilities that are not required for them to build inside or outside their development area; or
- (c) have contributed to build drains, culverts or gutters outside their development area.

### Payment

9. Payment to the Fund must be made by cash or cheque made payable to the Local Authority and crossed under “*Akaun Penerima Sahaja*” or “Account Payee Only”.

### Receipt

10. Every payment received must be accounted for as money belonging to the Local Authority and an official receipt must be issued for it to the person making such payment.

## SCHEDULE

[by-laws 4]

### RATE OF PAYMENT

<i>No.</i>	<i>Types of Development</i>	<i>Rate</i>
1.	<b>HOUSING</b>	
	i. Low Cost Housing Unit - RM 100,000 and below	0.3 % per unit based on Local Authority valuation prices
	ii. Medium High Cost Housing Unit - RM 100,000 – RM 200,000	0.3 % per unit based on Local Authority valuation prices
	iii. High Cost Housing Unit - RM 200,000 and above	0.3 % per unit based on Local Authority valuation prices
2.	<b>COMMERCIAL/ OFFICE BUILDING</b>	0.5 % based on Local Authority valuation prices
3.	<b>INDUSTRY</b>	0.5 % based on Local Authority valuation prices

---

<i>No.</i>	<i>Types of Development</i>	<i>Rate</i>
4.	<b>INSTITUTIONAL AND EDUCATIONAL</b>	
	i. For the Category of Federal Government Projects	3% of 70% Project Development Cost/ Contract Value
	ii. For the Category of 'Anak Kelantan' Projects	1% of 70% Project Development Cost/ Contract Value
	iii. For the Category of Government Agencies or Statutory Bodies Projects	2% of 70% Project Development Cost/ Contract Value

Dated this 13 April 2016  
[SUK.D.200(05) 8/4/1(33)]

HAJI MOHD ARIF BIN MOHD NOR  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Kelantan*